



PERDAGANGAN ASET KRIPTO

WEBINAR PERCUMA

21 APRIL 2021 | 10.00 PAGI - 11.00 PAGI

GAMBARAN KESELURUHAN PROGRAM

Perdagangan Aset Kripto (contoh: Bitcoin, Ethereum, Litecoin & XRP) bersama SIDC adalah program yang disediakan untuk pelabur runcit di Malaysia bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan dan kaedah perdagangan empat aset kripto yang dikenalpasti, secara bijak dan bertanggungjawab. Sejak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia membuka laluan untuk mengawal selia aset kripto dengan mengiktiraf beberapa Pengendali Pasaran Diiktiraf ("RMO")/ bursa aset digital (DAX) pada Oktober 2019, orang awam didapati masih belum meneroka sepenuhnya aktiviti perdagangan aset kripto dan pelbagai produk yang ditawarkan. Program ini direka bagi tujuan meningkatkan kemahiran teknikal pelabur yang berminat untuk menjalani perdagangan atau transaksi perniagaan berasaskan aset kripto. Perdagangan aset kripto dikategorikan sebagai aktiviti yang berisiko tinggi. Oleh itu, pengurusan risiko dan perdagangan secara analitik harus dititikberatkan bagi mengelakkan pelabur terjebak dalam skim penipuan dan seterusnya mengalami kerugian. Program ini akan membincangkan produk-produk sedia ada yang boleh diteliti oleh pelabur untuk mengatur strategi perdagangan mereka. Akhir sekali, program ini akan membincangkan pelbagai faktor lain yang mungkin juga boleh mempengaruhi prestasi aset kripto.

OBJEKTIF PROGRAM

Program ini dirancang khas bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- Meningkatkan kesedaran pelabur yang berminat melalui informasi dan pendedahan yang diperlukan untuk perdagangan berasaskan aset kripto (contoh: Bitcoin, Ethereum, Litecoin dan XRP) secara bijak dan bertanggungjawab
- Menyampaikan informasi asas tentang aset kripto: ciri istimewa, sejarah, penggunaan istilah daripada 4 aset kripto yang telah dikenalpasti; kaedah penyimpanan selamat, kajian kes untuk pelabur dan pelbagai faktor yang mempengaruhi prestasi aset kripto tersebut
- Memberi pendedahan menyeluruh terhadap prestasi aset kripto berbanding kelas aset lain
- Memaklumkan peserta tentang risiko dan ganjaran perdagangan aset kripto, termasuk hak (perundangan) dan tanggungjawab (percukaian) apabila berdagang aset kripto melalui Pengendali Pasaran Diiktiraf ("RMO")
- Kaedah-kaedah perdagangan aset kripto di bawah pengawalseliaan yang betul
- Memberi maklumat dan pendedahan kepada pelabur yang berminat tentang pengurusan risiko dan portfolio yang betul dalam perdagangan aset kripto

STANDARD PENTAULIAHAN

- Asas (Produk) – Produk-Produk Pasaran Modal (Kemahiran Tahap 2)
- Asas (Pengawalseliaan) – Pengawalseliaan Produk-Produk Pasaran Modal (Kemahiran Tahap 2)
- Fungsi (Teknikal) – Aplikasi Teknologi Digital (Kemahiran Tahap 2)
- Teras – Pengurusan Risiko (Kemahiran Tahap 2)

TUJUAN PEMBELAJARAN


Selesai menghadiri program ini, para peserta akan dapat:

- Menerangkan bagaimana perdagangan atau transaksi perniagaan aset kripto (contoh: Bitcoin, Ethereum, Litecoin dan XRP) dilakukan secara bijak dan bertanggungjawab
- Mengenalpasti ciri-ciri unik, sejarah serta penggunaan istilah daripada empat aset kripto yang dikenalpasti
- Menjelaskan kaedah terbaik untuk menyimpan aset kripto secara selamat
- Menerangkan pelbagai faktor yang menentukan prestasi kelas aset dan pencapaian prestasi aset kripto berbanding kelas aset yang lain
- Menjelaskan risiko dan ganjaran perdagangan aset kripto, termasuk hak (perundangan) dan tanggungjawab (termasuk percukaian)
- Menggunakan kaedah yang selamat dan diiktiraf dalam menjalankan perdagangan aset kripto
- Mengenalpasti strategi-strategi asas perdagangan aset kripto dan pengurusan risiko dan portfolio yang selamat dan berkesan dalam perdagangan aset kripto

AGENDA PROGRAM

- | | |
|----------------------------|--|
| 10.00 pagi -
11.00 pagi | <ul style="list-style-type: none"> • Ciri-ciri istimewa, sejarah, istilah empat aset kripto yang dikenalpasti; kaedah simpanan terbaik dan selamat; kajian kes untuk pelabur serta pelbagai faktor yang diambilkira dalam menentukan prestasi kelas aset • Pandangan menyeluruh terhadap aset kripto sebagai kelas aset baru dan perbandingan prestasi dengan kelas aset yang lain • Kaedah terbaik untuk menyimpan aset kripto secara selamat • Risiko dan ganjaran perdagangan aset kripto, termasuk hak (perundangan dan perlindungan) dan tanggungjawab (percukaian) melalui perdagangan aset kripto • Strategi asas dalam perdagangan aset kripto • Kaedah-kaedah yang digunakan dalam perdagangan aset kripto • Pengurusan risiko dan portfolio yang berkesan dan selamat |
|----------------------------|--|

PENCERAMAH



SURAYA ZAINUDIN

Suraya Zainudin merupakan seorang penulis, penceramah dan pemasar digital yang pakar dalam kewangan peribadi dan fintech. Sebagai pengasas kepada salah satu blog kewangan peribadi teratas di Malaysia,

RinggitOhRinggit.com, Suraya telah bekerjasama dengan pelbagai organisasi dan komuniti, termasuk berkhidmat sebagai salah satu ahli pengasas ACCESS Blockchain Association. Beliau memegang lesen Certified Bitcoin Professional dari tahun 2017-2019.

Suraya juga merupakan kurator buku Money Stories dari siri-siri buku Malaysia, yang kini terdapat di kedai buku di seluruh negara.